

**Parlimen: Usaha Pupuk Perpaduan Masih Belum Cukup - Senator Bernama**  
**22 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Usaha untuk memupuk perpaduan kaum dan keharmonian sosial dalam kalangan masyarakat di negara ini masih belum mencukupi, kata seorang anggota Dewan Negara.

Senator Ahamat @ Ahamad Yusop berkata untuk itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional perlu memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara kaum di negara ini dan bukan sekadar melaksanakan program-program bersifat 'ceremonial' (acara atau istiadat) sahaja.

"Selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) semangat perpaduan agak tercabar dengan pelbagai tindakan dan usaha. Perpaduan kaum dan keharmonian sosial perlu dipertahan dan dipertingkatkan dan usaha itu dilihat masih belum mencukupi," katanya ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong pada persidangan Dewan Negara di sini Isnin.

Ahamat berkata perpaduan dan keharmonian kaum boleh dipupuk di beberapa institusi, dan institusi yang pertama ialah keluarga, di mana ia menyediakan asas didikan kepada anak-anak.

"(Untuk itu) ibu bapa perlu menerapkan persepsi dan nilai positif mengenai perpaduan, keharmonian kaum dan masyarakat majmuk kepada anak masing-masing," tambah beliau.

Kata Ahamat, institusi kedua dalam memupuk perpaduan dan keharmonian nasional ialah sekolah dan peranan para guru di mana aliran pendidikan yang berbeza di peringkat awal menyukarkan perpaduan kaum disemai dengan mantap.

"Lebih-lebih lagi ada penuntut dari sekolah aliran Cina yang menyambung pendidikan ke Taiwan sehingga akhirnya tidak masuk langsung dalam sistem pendidikan arus perdana.

"Apa nilai (perpaduan dan keharmonian nasional) yang ada pada anak-anak ini bila besar dan dewasa?," soal beliau.

Jelas Ahamat tempat bekerja juga perlu menjadi tempat untuk menerapkan agenda perpaduan dan keharmonian dalam kalangan pekerja sementara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini yang sepatutnya menjadi platform menyatukan masyarakat kini kebanyakannya berteraskan kaum.

"Sebagai contoh Gerakan Belia 4B hanya khusus untuk orang Melayu dan ada persatuan belia yang khusus untuk kaum tertentu," tambah beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965184>